

KELUARAN
KHAS**PENDIDIKAN & LATIHAN**

■ AeU meterai perjanjian persefahaman dengan Kelab Veteran Komando

Oleh Hamidah Badiran
hamidah@hmetro.com.my

Asia e University (AeU) memeterai perjanjian persefahaman bersama Kelab Veteran Komando Malaysia dengan menawarkan program CARE kepada semua ahli yang berminat untuk memperoleh Sijil Diploma Tahap Empat.

Program CARE adalah satu inisiatif AeU bagi me-



FAKTA
Ahli berminat
berpeluang
memperoleh Sijil
Diploma Tahap
Empat

AeU memeterai perjanjian persefahaman usahawan dengan Kelab Veteran Komando Malaysia.

nyahut se-
ruan Kement-
erian Sumber Manu-
sia untuk menaik taraf ser-

ta mempertingkatkan ke-
mahiran pekerja di Malay-
sia berdasarkan pengala-
man dan pembelajaran di-

lalui pekerja.

Program Diploma Tahap
Empat ini berdasarkan Peng-
iktirafan Pengalaman Terda-

hulu atau 'Recognition of
Prior Experience' (RPE) oleh
Kementerian Sumber Manu-
sia.

Ilmu sepanjang hayat

AeU menimbang tara pelbagai aspek meliputi penga-
laman kerja, kursus diadakan
dan segala aktiviti berkaitan
bagi membolehkan peserta
memperoleh Sijil Diploma
Eksekutif dari universiti jika
memenuhi syarat ditetapkan.

Justeru, pihak kelab yakin
dengan adanya program ini,
ramai ahli kelab mampu
mendepani cabaran ekonomi
semasa dengan lebih mapan
dan seterusnya meneroka
segala potensi masa hada-
pan.

AeU adalah sebuah uni-
versiti terbuka yang ditu-
buhkan melalui persefaha-
man usahasama rundingan
meja bulat Asia Cooperative
Dialogue 33 negara di Asia.

Untuk maklumat lanjut,
silalah layari www.aeu.edu.my.